



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGARUH SIKAP DAN MOTIVASI TERHADAP KOMITMEN AHLI  
DALAM PELBAGAI AKTIVITI RUKUN TETANGGA DI KAWASAN R.T.  
TAMAN SRI JELOK, KAJANG, SELANGOR.**

**BENNY THOMAS VIVIAN**

**FEM 2007 6**

**PENGARUH SIKAP DAN MOTIVASI TERHADAP KOMITMEN AHLI  
DALAM PELBAGAI AKTIVITI RUKUN TETANGGA DI KAWASAN R.T.  
TAMAN SRI JELOK, KAJANG, SELANGOR.**

**BENNY THOMAS VIVIAN**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2007**



**PENGARUH SIKAP DAN MOTIVASI TERHADAP KOMITMEN AHLI  
DALAM PELBAGAI AKTIVITI RUKUN TETANGGA DI KAWASAN R.T.  
TAMAN SRI JELOK, KAJANG, SELANGOR.**

**Oleh**

**BENNY THOMAS VIVIAN**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**Jun 2007**



Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH SIKAP DAN MOTIVASI TERHADAP KOMITMEN AHLI  
DALAM PELBAGAI AKTIVITI RUKUN TETANGGA DI KAWASAN R. T.  
TAMAN SRI JELOK, KAJANG, SELANGOR**

Oleh

**BENNY THOMAS VIVIAN**

**Jun 2007**

**Pengerusi: Ma'rnof Redzuan, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menjelaskan tahap komitmen anggota komuniti dalam aktiviti Rukun Tetangga Taman Sri Jelok, dan menjelaskan pengaruh sikap dan motivasi terhadap komitmen. Kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti peramal terbaik untuk komitmen dan daripada kajian ini juga dapat dibentuk satu model komitmen bagi organisasi atau pertubuhan sukarela berbentuk kemasyarakatan. Dalam kajian ini, sampel yang digunakan adalah seramai 200 orang anggota komuniti yang menjadi ahli R.T. Tmn. Sri Jelok. Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik. Data dikumpul menggunakan soal selidik yang mengandungi soalan berkaitan latar belakang, faktor sikap, faktor motivasi dan komitmen. Tahap komitmen anggota komuniti dalam aktiviti R.T. diukur dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik



Organizational Commitment Questionnaire (Poter et al. 1979). Manakala alat ukuran untuk memboleh ubah sikap dan memboleh ubah motivasi diukur dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada soal selidik yang digunakan oleh Turiman (1991). Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap dan komitmen kaum India terhadap aktiviti R.T. adalah tinggi berbanding dengan kaum Melayu dan Cina. Daripada analisis bivariate mendapati memboleh ubah faktor sikap iaitu nilai-nilai instrumental, tarikan kepada aktiviti R.T., sikap terhadap aktiviti R.T. dan kepuasan terhadap aktiviti R.T. mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan komitmen. Manakala empat daripada lima memboleh ubah faktor motivasi iaitu altruisme, egoisme, keagamaan dan kewajipan sosial mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan komitmen. Daripada analisis regresi pelbagai mendapati sebanyak 65% varian komitmen dalam aktiviti R.T. dapat dijelaskan oleh 9 memboleh ubah daripada faktor sikap dan faktor motivasi. Manakala daripada analisis regresi ‘stepwise’ mendapati peramal terbaik bagi komitmen ialah nilai-nilai instrumental, tarikan daripada aktiviti R.T., sikap terhadap kegiatan dan aktiviti R.T. dan motivasi altruisme. Hasil kajian mendapati bahawa faktor sikap dan faktor motivasi memberi sumbangan yang besar kepada komitmen ahli-ahli dalam aktiviti R.T. Daripada dapatan kajian ini boleh disimpulkan komitmen ahli komuniti yang terlibat dalam aktiviti R.T. meningkat sekiranya tanggapan individu terhadap nilai-nilai instrumental R.T. adalah positif, lebih tertarik kepada aktiviti R.T., sikap positif dalam aktiviti R.T. dan sifat suka membantu (motivasi altruisme) dalam diri individu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF ATTITUDE AND MOTIVATION TOWARDS THE  
MEMBERS' COMMITMENT IN VARIOUS RUKUN TETANGGA  
ACTIVITIES AT R.T. TAMAN SRI JELOK, KAJANG, SELANGOR**

By

**BENNY THOMAS VIVIAN**

**June 2007**

**Chairman: Ma'rnof Redzuan, PhD**

**Faculty: Human Ecology**

The main aim of this research is to clarify the commitment level of the community members in activities organized by Rukun Tetangga Taman Sri Jelok and to clarify the influence of attitude and motivation towards their commitment. It also serves to explain the relationships between the variables of the chosen background, attitude and motivation with commitment. This is also a study to identify and thus determine the best predictors variables for commitment; hence a commitment model for an organization or a voluntary body that is societal-based can be established. This research is limited to community members above 20 years of age who are members of R.T. Tmn. Sri Jelok. The sample of the study consists of 200 community members. The method of research employed in this study is through the use of questionnaire critically surveying the background, attitude, motivation and



commitment of the subjects. The commitment level of community members in R.T. activities is deliberated by the usage of the adapted version of Organizational Commitment Questionnaire (Porter et al. 1979). Meanwhile, the instrument for determining attitude and motivation variables is adapted from the questionnaire utilized by Turiman (1991). The research finding shows that the attitude and commitment among Indian members toward R.T. activities are higher compared to Malay and Chinese members. The bivariate correlation analysis confirms that attitude variables which consist of instrumental values, attractiveness of R.T. activities, attitude towards R.T. activities and satisfaction gained from R.T. activities all relate positively and significantly with commitment. Meanwhile four out of five motivation variables which are altruism, egoism, religion and social obligations correlate positively significantly with commitment. From the multiple regression analysis, 65% of the commitment variance in R.T. activities can be explained through 9 variables in attitude and motivation. However the result from the stepwise regression analysis states that the best predictors' variable for commitment is instrumental values, attractiveness of R.T. activities, attitude towards R.T. activities and altruism. The research findings show that the attitude and motivation factors contribute greatly towards the members' commitment in R.T. activities. From the findings we can conclude that the members' commitment in R.T. activities increase if they perceive that the instrumental values of R.T. are positive, find the activities in R.T. attractive, adopt a positive attitude towards R.T. activities and posses the internal altruistic motivation.

## PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dr. Ma'rof Redzuan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan seterusnya kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Dr. Zahid Emby yang telah membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya semasa menyempurnakan kajian ini. Melalui kajian ini saya telah banyak mendapat menafaat dan pengalaman daripada Dr.Ma'rof khususnya memberi tunjuk ajar dan mengajar saya menjadi seorang yang matang dalam menjalankan kajian dan membuat keputusan. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Zahid Emby yang sentiasa memberi galakan bimbingan sehingga tesis ini berjaya disiapkan.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini seperti Prof. Dr. Turiman Suandi yang membenarkan saya menggunakan alat ukuran yang telah digunakan oleh beliau dalam pemyelidikan komitmen ketua-ketua Belia 4-B terhadap sukarelawan. Terima kasih juga kepada pengurus R.T. Tmn. Sri Jelok iaitu En. Mustapha B. Abdullah dan Ahli-ahli Jawatankuasa R.T. yang banyak membantu khususnya En. Murthi a/l Shanmugam dan En.Tee Lim Swee. Tidak lupa juga kepada anggota-anggota komuniti R.T. Tmn. Sri Jelok yang memberi kerjasama dan meluangkan masa untuk mengisi borang soal selidik.

Seterusnya kepada teman saya iaitu saudari Lue Siau Beng yang sentiasa memberikan sokongan yang padu dalam proses menyiapkan tesis ini. Saya juga amat terhutang budi kepada ibu saya yang tersayang Pn. Mary Vivian Kurum yang

sentiasa mendoakan dan memberi sokongan moral dan kewangan selama ini. Kesempatan ini juga saya ambil untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada abang, Perry Thomas dan kakak, Emmy Thomas. Saya sentiasa mendoakan kalian berjaya dalam hidup.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 13 Jun 2007 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Benny Thomas untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Pengaruh Sikap dan Motivasi Terhadap Komitmen Ahli Dalam Pelbagai Aktiviti Rukun Tetangga di Kawasan R.T. Taman Sri Jelok, Kajang, Selangor” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

**Mariani Binti Mansor, PhD**

Pensyarah

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nobaya Ahmad, PhD**

Pensyarah

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Pensyarah

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Rahimah Abdul Aziz, PhD**

Profesor

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor / Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 September 2007

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Ma'ruf Redzuan, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zahid Emby, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 November 2007



## **PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

---

**BENNY THOMAS VIVIAN**

Tarikh: 25 September 2007

## JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii

Bab

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Organisasi Sukarela	1
1.3	Sejarah Penubuhan Rukun Tetangga	5
1.4	Pembangunan Komuniti	12
1.5	Penyataan Masalah	15
1.6	Objektif Umum	19
1.7	Objektif Khusus	19
1.8	Kepentingan Kajian	19
1.9	Definisi Operasional	22
1.9.1	Komitmen	22
1.9.2	Sukarela	23
1.9.3	Sikap	23
1.9.4	Kepuasan	25
1.9.5	Motivasi	25
1.9.6	Altruisme	26
1.9.7	Egoisme	27
1.9.8	Kewajipan Sosial	28
1.9.9	Agama	28
1.9.10	Kecenderungan Politik	29
1.10	Batasan Kajian	30
1.11	Rangka Konsepsual Kajian	31
<b>2</b>	<b>ULASAN LITERATUR</b>	<b>34</b>
2.1	Pengenalan	34
2.2	Organisasi Komuniti Sukarela	34
2.3	Komitmen Organisasi	35
2.4	Tingkahlaku Komitmen	37
2.5	Kepelbagaiannya Definisi Komitmen	39
2.6	Kajian Tempatan Terhadap Komitmen Organisasi.	43
2.7	Penyertaan Anggota Komuniti Dalam Organisasi Sukarela	47
2.8	Sikap Dan Kaitannya Dengan Komitmen	51
2.9	Motivasi Dan Kaitannya Dengan Komitmen	54



2.10	Kajian Yang Berkaitan Dengan Penglibatan Anggota Komuniti	65
2.10.1	Latar Belakang	66
2.10.2	Pemilikan Rumah	71
2.10.3	Tempoh Menetap	71
2.11	Pembolehubah Sikap	72
2.12	Pembolehubah Motivasi	78
2.12.1	Motivasi Altruisme	79
2.12.2	Motivasi Keegoan	81
2.12.3	Motivasi Agama	83
2.12.4	Motivasi Kewajipan Sosial	85
2.12.5	Motivasi Kecenderungan Politik	87
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	88
3.1	Pengenalan	88
3.2	Lokasi Kajian	88
3.3	Populasi	89
3.4	Persampelan	89
3.5	Reka Bentuk Kajian	91
3.6	Pembentukan Alat Ukuran	92
3.7	Ukuran Komitmen Responden Dalam Aktiviti R.T.	93
3.8	Pembolehubah Perantara Sikap dan Motivasi	95
3.8.1	Ukuran Nilai-Nilai Instrumental R.T.	96
3.8.2	Ukuran Tarikan Kepada Aktiviti Dan Pertubuhan R.T.	97
3.8.3	Ukuran Sikap Responden Terhadap Aktiviti R.T.	98
3.8.4	Ukuran Kepuasan Responden Terhadap Aktiviti R.T.	98
3.8.5	Ukuran Motivasi Altruisme	99
3.8.6	Ukuran Motivasi Egoisme	99
3.8.7	Ukuran Motivasi Agama	100
3.8.8	Ukuran Motivasi Kewajipan Sosial	100
3.8.9	Ukuran Motivasi Kecenderungan Politik	101
3.9	Faktor Latar Belakang	101
3.10	Prauji Borang Soal Selidik	103
3.11	Tatacara Kajian Dan Pengumpulan Data	106
3.12	Analisis Data	108
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	111
4.1	Pengenalan	111
4.2	Latar Belakang Responden	111
4.3	Aktiviti-aktiviti R.T. Yang Paling Kerap Dilibati Oleh Anggota Komuniti R.T. Tmn. Sri Jelok	119
4.4	Tahap Komitmen Responden Dalam Aktiviti R.T.	134
4.5	Faktor Sikap	139
4.5.1	Analisis Nilai-Nilai Instrumental R.T.	139
4.5.2	Analisis Tarikan kepada Aktiviti R.T.	143
4.5.3	Analisis Sikap Responden Terhadap Aktiviti R.T.	148
4.5.4	Analisis Kepuasan Responden Terhadap Aktiviti R.T.	152

4.6	Faktor Motivasi	155
4.6.1	Analisis Motivasi Altruisme	156
4.6.2	Analisis Motivasi Egoisme	158
4.6.3	Analisis Motivasi Agama	160
4.6.4	Analisis Motivasi Kewajipan Sosial	163
4.6.5	Analisis Motivasi Kecenderungan Politik	165
4.7	Analisis Jadual Silang Antara Lima Pemboleh ubah Latar Belakang Dengan Faktor Sikap	167
4.8	Analisis Jadual Silang Antara Lima Pemboleh ubah Latar Belakang Dengan Faktor Motivasi	172
4.9	Analisis Jadual Silang Antara Lima Pemboleh ubah Latar Belakang Dengan Komitmen	175
4.10	Hubungkait Pemboleh ubah Sikap Dengan Komitmen	179
4.11	Hubungkait Pemboleh ubah Motivasi Dengan Komitmen	182
4.12	Peramal Terbaik Untuk Komitmen Dalam Aktiviti R.T.	184
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	189
5.1	Pengenalan	189
5.2	Ringkasan	189
5.3	Implikasi Kajian	192
5.3.1	Sumbangan Metodologi	192
5.3.2	Sumbangan Model Rujukan Untuk Komitmen Dalam Aktiviti R.T.	193
5.4	Cadangan Untuk Meningkatkan Komitmen Anggota Komuniti Dalam Aktiviti R.T. Tmn. Sri Jelok.	195
5.5	Cadangan Untuk Kajian Pada Masa Hadapan	201
5.6	Kesimpulan Kajian	202
<b>BIBLIOGRAFI</b>		208
<b>LAMPIRAN</b>		223
<b>BIODATA PELAJAR</b>		252

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Kepelbagaian definisi komitmen oleh ahli akademik	42
3.1 Perbandingan analisis kebolehpercayaan alat ukuran di antara kajian rintis dan kajian sebenar.	105
4.1 Taburan latar belakang responden	112
4.2 Aktiviti-aktiviti R.T. yang paling kerap dilibati oleh anggota komuniti R.T. Tmn. Sri Jelok	120
4.3 Analisis komitmen responden dalam aktiviti R.T.	135
4.4 Skor komitmen responden dalam aktiviti R.T.	138
4.5 Analisis nilai-nilai instrumental R.T.	139
4.6 Skor nilai-nilai instrumental terhadap R.T.	143
4.7 Analisis tarikan kepada aktiviti R.T.	144
4.8 Skor tarikan kepada aktiviti R.T.	147
4.9 Analisis sikap responden terhadap aktiviti R.T.	148
4.10 Skor sikap responden terhadap aktiviti R.T.	151
4.11 Analisis kepuasan responden terhadap aktiviti R.T.	153
4.12 Skor kepuasan responden terhadap aktiviti R.T.	155
4.13 Analisis motivasi altruisme	156
4.14 Skor motivasi altruisme	157
4.15 Analisis motivasi egoisme	159
4.16 Skor motivasi egoisme	160
4.17 Analisis motivasi agama	161
4.18 Skor motivasi agama	162
4.19 Analisis motivasi kewajipan sosial	163
4.20 Skor motivasi kewajipan sosial	164

4.21	Analisis motivasi kecenderungan politik	166
4.22	Skor motivsi kecenderungan politik	167
4.23	Analisis jadual silang antara lima pemboleh ubah latar belakang dengan faktor sikap	168
4.24	Analisis jadual silang antara lima pemboleh ubah latar belakang dengan faktor motivasi	173
4.25	Analisis jadual silang antara lima pemboleh ubah latar belakang dengan komitmen.	176
4.26	Korelasi bivariate antara pembolehubah sikap dengan komitmen terhadap aktiviti R.T.	180
4.27	Korelasi bivariate antara pembolehubah motivasi dengan komitmen dalam aktiviti R.T.	182
4.28	Analisis regresi pelbagai komitmen dalam aktiviti R.T. dengan pembolehubah peramal (Metod Enter)	185
4.29	Analisis regresi pelbagai ‘Stepwise’ komitmen dalam aktiviti dengan pembolehubah peramal	186

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1    Carta Organisasi Rukun Tetangga	9
1.2    Rangka konsepsual kajian	32
2.1    Model penyertaan dan tahap penglibatan individu secara sukarela oleh Rohs 1986.	78
5.1    Model rujukan komitmen individu dalam aktiviti R.T.	194

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan tentang beberapa pertubuhan sukarela yang ada di Malaysia dan pertubuhan yang dikaji dalam kajian ini iaitu Rukun Tetangga Taman Sri Jelok. Perbincangan ini juga meliputi pernyataan masalah tentang R.T. yang dikaji. Pengkaji juga menjelaskan objektif umum dan beberapa objektif khusus untuk kajian ini. Bab ini juga menerangkan kepentingan kajian untuk pertubuhan R.T., Jabatan Perpaduan dan dalam bidang akademik. Definisi konsepsual dan operasional untuk setiap pemboleh ubah yang digunakan juga dijelaskan supaya selari dengan objektif kajian.

#### **1.2 Organisasi Sukarela**

Pertubuhan NGO atau badan sukarela ialah sebuah organisasi bukan kerajaan yang terdiri daripada ahli-ahli yang dikumpulkan untuk memenuhi keperluan ahli-ahli sendiri serta keperluan masyarakat melalui penyediaan perkhidmatan yang diperlukan. Ianya merupakan sebuah badan korporat yang sah atau berdaftar di mana semua urusan adalah berpandukan kepada dasar dan peraturan-peraturan pertubuhan yang telah ditetapkan dalam perlembagaan dan undang-undang berkenaan.

Di Malaysia terdapat agensi kerajaan yang berbentuk sukarela dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berperanan membangunkan komuniti atau masyarakat sama

ada diperingkat tempatan mahupun nasional. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berbentuk sukarela yang terdapat di Malaysia seperti pertubuhan Bulan Sabit Merah, Pengakap, MERCY Malaysia, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Angkatan Belia Islam, Majlis Belia Malaysia dan sebagainya.

Penglibatan sukarelawan adalah penting dalam menggerakkan aktiviti organisasi-organisasi tersebut. Sukarelawan didifinisikan sebagai sesorang individu yang mempunyai kebolehan dan kemahuan untuk memperolehi kemahiran-kemahiran tertentu serta bersedia untuk menawarkan perkhidmatannya terhadap sesuatu keperluan atau menjalankan tugas-tugas tertentu tanpa memikirkan keuntungan kewangan. Kebanyakan sukarelawan yang menyertai organisasi NGO seperti yang telah dijelaskan di atas terdiri daripada pelbagai golongan dari serata tempat dan yang kurang dikenali latar belakang mereka.

Manakala agensi kerajaan yang memerlukan sokongan daripada penyertaan secara sukarela ialah seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di bawah jabatan ini terdapat Bahagian Perundingan dan Khidmat Masyarakat menumpukan kepada penglibatan masyarakat secara sukarela dalam pembangunan dan pemulihan komuniti melalui penyertaan aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan khususnya yang berbentuk kemasyarakatan ialah seperti ceramah kemahiran keibubapaan, sukaneka, seminar OKU, hari keluarga, sambutan hari kebangsaan, gerakan gotong-royong dan sebagainya.

Pertubuhan Gerakan Belia 4B (GB4B) yang terlibat sepenuhnya dalam aktiviti pembangunan belia dan remaja di Malaysia. GB4B merupakan sebuah pertubuhan Belia yang terbesar di Malaysia yang mewakili golongan remaja dan belia dengan jumlah keahliannya melebihi 300,000 ahli. Sejak ditubuhkan pada 1967 lagi, Belia 4B telah menjadi sebuah Pertubuhan Belia yang aktif dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara khususnya dalam menyediakan generasi belia yang berilmu, tahan lasak dan berwawasan jauh. Disamping itu pertubuhan ini juga bertujuan menyatukan belia dari kaum Melayu, Cina dan India melalui dasar perpaduanya serta mencari pelapis untuk menjadi pemimpin di semua peringkat organisasi Belia 4-B (Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2002).

Persatuan Penduduk juga merupakan pertubuhan sukarela kerajaan yang berfungsi sebagai badan perantaraan yang menyalurkan aduan, permintaan, masalah dan kehendak kepada kerajaan. Persatuan Penduduk juga memainkan peranan dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan terutamanya penduduk di kawasan-kawasan taman perumahan. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah aktiviti hari keluarga, gotong royong, insentif pendidikan anak-anak cemerlang, acara sukan, sukaneka, aktiviti agama, aktiviti kesedaran kesihatan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah bertujuan untuk memupuk kesejahteraan antara kaum dan pembangunan komuniti baik dari segi fizikal atau rohaniah.

Dalam kajian ini, tumpuan adalah kepada sebuah pertubuhan sukarela yang didaftarkan di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Negara (JPNIN) iaitu Rukun

Tetangga. Organisasi R.T. merupakan pertubuhan sukarela yang dimiliki oleh kerajaan yang terbesar di Malaysia. Pengurusan dan pentadbiran R.T. dilakukan sepenuhnya oleh Ahli Jawatan Kuasa R.T. sendiri yang dilantik dikalangan pemimpin-pemimpin yang bermastautin serta mewakili pelbagai gologan dalam komuniti setempat (Jabatan Perpaduan Negara, 2003).

Sebagai sebuah Pertubuhan R.T. di kawasan taman perumahan fungsi utama pertubuhan ini ialah mementingkan kesejahteraan dan perpaduan dalam kalangan anggota komunitinya. Walaupun R.T. sebuah pertubuhan yang didaftarkan di bawah badan kerajaan namun penyertaan anggota komuniti dalam pertubuhan ini adalah secara sukarela. Berbeza dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di bawah naungan Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar yang mana penyertaan ahlinya perlu didaftarkan.

Sukarelawan yang menyertai aktiviti R.T. ini berbeza sedikit dengan sukarelawan yang menyertai aktiviti badan-badan NGO seperti MERCY, Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap, atau Majlis Belia Malaysia. Ini kerana ahli sukarelawan yang menyertai aktiviti R.T. ini adalah terdiri daripada ahli-ahli komuniti yang terlibat di bawah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) tersebut sahaja. Manakala keahlian anggota masyarakatnya atau penduduk di KRT ini tidak perlu didaftarkan kerana mereka menjadi ahli secara otomatik.

Kerja atau khidmat sukarela dalam aktiviti R.T. boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk dan bidang oleh sukarelawan R.T. ini. Ada yang memberi khidmat fizikalnya

dalam sesuatu kegiatan R.T.. Ada yang menyumbangkan idea, buah fikiran atau pendapatnya untuk sesuatu rancangan. Bentuk-bentuk kegiatan atau aktiviti yang dilakukan oleh pertubuhan R.T. tersebut adalah lebih menjurus kepada usaha untuk membangun anggota masyarakatnya di sesuatu kawasan taman perumahan.

Sifat-sifat sukarela dalam aktiviti R.T. adalah lebih menjurus kepada amalan gotong-royong atau bantu-membantu sesama ahli komuniti dalam melaksanakan sesuatu kegiatan atau menangani sesuatu pemasalahan di sesuatu kawasan taman perumahan. Semua aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan yang telah dijelaskan di atas memerlukan penyertaan kesukarelaan daripada ahli-ahli komunitinya. Namun begitu penyertaan sahaja tidak cukup untuk menjayakan aktiviti dan kejayaan pertubuhan R.T. yang mana pengendaliannya berbentuk sukarela. Komitmen daripada setiap individu atau anggota komuniti adalah penting untuk memastikan kejayaan aktiviti dan pertubuhan yang memerlukan penyertaan secara sukarela daripada ahli-ahlinya.

### **1.3 Sejarah Penubuhan Rukun Tetangga**

Peristiwa 13 Mei merupakan titik sejarah yang paling malap dalam hubungan kaum di negara kita. Peristiwa ini menyebabkan hubungan antara kaum menjadi semakin sukar untuk diperbaiki. Susulan daripada peristiwa tersebut berlakunya proses timbal-balik daripada ahli politik untuk menangani masalah hubungan kaum dan telah mendorong Tunku Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Ke-2 mewujudkan sebuah masyarakat harmoni, bersemangat kejiranan dan bersatu padu terutamanya di kawasan bandar dan pinggir bandar (Abdul Hamid, 1994).

Skim Rukun Tetangga mula diperkenalkan pada tahun 1975 berikutnya berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu R.T. 1975. Pada peringkat awal penubuhannya, skim ini berfungsi bagi mengawal keselamatan dalam satu-satu kawasan kediaman dan disebut sektor keselamatan yang mewajibkan penduduk tempatan menjalankan rondaan di sektor masing-masing demi menjaga keamanan dan keselamatan kawasan mereka.

Pada September 1982, sektor R.T. telah dikaji semula memandangkan keadaan keselamatan pada waktu itu telah pulih dan terjamin. Namun begitu dalam proses mewujudkan perpaduan di antara kaum maka satu pendekatan baru terhadap R.T. telah diperkenalkan pada tahun 1983 iaitu konsep kejiranan. Di bawah konsep R.T. ini, Jawatankuasa R.T. bukan sahaja bertanggungjawab terhadap keamanan dan keselamatan tempatan, bahkan juga dikehendaki menjadi penggerak dalam usaha memupuk muhibbah dalam kalangan penduduk-penduduk sejiran di dalam sesuatu kawasan dengan tujuan untuk dapat bersama-sama menjaga ketenteraman, kesejahteraan hidup dan perpaduan dalam kalangan anggota komuniti.

Seperti yang dinyatakan oleh Abdul Hamid (1994) konsep kejiranan yang diwujudkan adalah berteraskan kepada pemupukan semangat kesetiaan dan kebanggaan kepada kawasan kediaman, perasaan kekitaan, sikap tanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan, keamanan kawasan sejiran, pengwujudan perasaan persahabatan dan persaudaraan di antara jiran tetangga yang merangkumi sikap muhibbah termasuklah unsur-unsur kesefahaman, tolong-menolong, toleransi, harmoni, menghormati undang-undang dan cintakan negara.

Memandangkan program kejiranan kurang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat, pada tahun 2001, satu pendekatan baru telah diperkenalkan ke atas Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berkonseptan “Pembangunan Komuniti” (Airon, 2001). Dengan menekankan kepada konsep “Pembangunan Komuniti” maka pertubuhan R.T. akan terus relevan dengan perkembangan semasa dalam arus negara kita yang membangun pesat.

Pada asasnya, pendekatan pembangunan komuniti Rukun Tetangga (R.T.21) memberi tumpuan kepada beberapa perubahan baru sama ada yang melibatkan struktur organisasi, infrastruktur dan fungsi R.T. itu sendiri agar dengan itu pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan samada berbentuk sosio-ekonomi, pendidikan, seni budaya dan keagamaan yang mampu meningkatkan taraf hidup golongan yang hidup di kawasan bandar (Abdul Rashid, 2002). Dengan adanya konsep baru ini, R.T. dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam menggalakkan hubungan dan interaksi masyarakat yang semakin hari semakin terhakis oleh nilai-nilai budaya negatif samada yang lahir daripada komuniti itu sendiri ataupun yang datang dari luar (Ainon, 2001).

Impak daripada arus pemodenan ini ada golongan masyarakat yang terus ketinggalan akibat daripada pelbagai masalah sosio-ekonomi seperti kemiskinan, pengangguran, jenayah, gejala sosial dan sebagainya. Dengan adanya konsep “Pembangunan Komuniti” maka R.T. memainkan peranan yang amat penting dalam membantu golongan-golongan komuniti yang bermasalah ini.